



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2023**

**31 JULAI 2023 (ISNIN)
10.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI**

**BORNEO CULTURES MUSEUM (BCM)
KUCHING, SARAWAK**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi kesempatan berhimpun pada hari ini dalam **MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 KALI KE-27.**
2. “Apa khabar komuniti muzium seluruh Malaysia?” Hari ini merupakan sambutan ulang tahun untuk anda semua yang diraikan di peringkat Kebangsaan. Saya berharap semua warga muzium berada dalam keadaan baik, sihat sejahtera dan bergembira hendak-Nya dalam menyambut **HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023** di Bumi Kenyalang ini.
3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak atas kesudian hadir ke

majlis pada hari ini dan seterusnya akan menyempurnakan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 Peringkat Kebangsaan sebentar lagi. Terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh tenaga kerja Kerajaan Negeri Sarawak atas penglibatan, kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan sambutan ini.

4. Saya dimaklumkan bahawa, sejak disambut pada tahun 1997, Negeri Sarawak telah menjadi tuan rumah sebanyak tiga (3) kali iaitu kali pertama pada tahun 2003, kali kedua pada tahun 2013 dan kali ketiga pada tahun ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

5. Pemilihan tema **“MUZIUM, KEMAMPANAN DAN KESEJAHTERAAN”** pada sambutan tahun ini amat bertepatan kerana muzium merupakan antara penyumbang utama kepada kesejahteraan dan pembangunan mampan masyarakat di seluruh dunia. Sebagai sebuah institusi yang dipercayai dan merupakan rangkaian penting dalam fabrik sosial sesebuah Negara, kewujudan muzium ditempatkan secara unik untuk mencipta kesan yang lebih komprehensif dan memupuk perubahan positif kepada orang ramai.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENDOKONG
INSTITUSI MUZIUM DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI
DAN PERPADUAN MASYARAKAT

Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang saya hormati,

6. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong dan mendokong usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat dan memartabatkan institusi permuziuman sebagai entiti penting di negara ini. Program seumpama ini membuktikan bahawa kesatuan dan kerjasama di antara muzium dan institusi lain yang terlibat serta penglibatan masyarakat mampu menyumbang kepada pembangunan sosial yang berterusan, khususnya dalam **pembentukan dan pengukuhan jati diri masyarakat.**

7. Ia sejajar dengan matlamat utama **Dasar Perpaduan Negara** bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Ia juga signifikan dengan **pembangunan masyarakat MADANI** yang berteraskan integrasi nasional berdasarkan aturan hidup, menghindari konflik dan permusuhan yang boleh menyebabkan perpecahan.

8. Identiti Malaysia sememangnya terkenal di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara majmuk, harmoni dan progresif. Justeru, institusi permuziuman di Malaysia **harus memainkan peranan mereka yang sangat penting dalam mengekalkan dan melindungi khazanah sejarah dan budaya,** sekaligus menjadi agen pengukuhan jati diri masyarakat yang demokrasi dan berdaulat.

9. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong dan menggalakkan semua Jabatan dan agensi di bawahnya, agar komited **menterjemahkan hala tuju kementerian dalam melaksanakan program-program penyatupaduan masyarakat** melalui penghayatan sejarah, seni dan budaya selaras dengan dasar-dasar yang digariskan.

10. Saya difahamkan bahawa terdapat pelbagai aktiviti dan pengisian menarik telah dirancang bagi sambutan tahun ini bermula **31 Julai hingga 5 Ogos 2023 ini.** Saya yakin setiap pengisian tersebut **menepati Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian** untuk melestarikan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

12. Kementerian juga mengalu-alukan agar Jabatan/Agensi menjalinkan kerjasama sinergi dalam melaksanakan program-program berintipatikan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara sebagai satu platform ke arah menyatupadukan masyarakat yang sememangnya kaya dengan pelbagai bangsa, budaya, bahasa, adat resam, kepercayaan dan cara hidup.

PENUTUP

Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang saya hormati,

13. Melestarikan khazanah warisan negara ke arah kesejahteraan dan pembangunan mampan masyarakat adalah tanggungjawab kita bersama. Justeru, saya menyeru kepada semua komuniti muzium di Malaysia untuk menonjolkan keunggulan muzium anda masing-masing menggunakan pelbagai medium terbaharu dan terkini sejajar dengan pembangunan Pelan Strategik Pendigitilan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 agar fungsi dan peranan muzium masing-masing dapat dicapai oleh orang awam khususnya generasi muda.

14. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023, dengan kerjasama Borneo Cultures Museum dan seluruh warga muzium di peringkat Persekutuan mahupun Negeri, atas komitmen menggembeng tenaga dalam memastikan kejayaan sambutan di Negeri Sarawak pada kali ini.

16. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan pemegang taruh, rakan strategik dan rakan pintar serta media massa, malah semua pihak yang telah membantu, secara langsung ataupun tidak langsung dalam melancarkan lagi pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.